JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2020

"Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Kementerian Sumber Manusia

Laporan Tahunan 2020

"Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

ISSN : 2231-8577

© Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Kementerian Sumber Manusia.

DITERBITKAN OLEH:

Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat (BPM)
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Kementerian Sumber Manusia
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1383,
93532 Kuching, Sarawak

Telefon: 082 242 261, 082 414 062
Telekerja: 082 242 050
Faks: 082 244 909, 082 237 051
Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my
Laman Web: http://www.jtkswk.gov.my

REKAAN DAN CETAKAN OLEH :

Lee Ming Press Sdn. Bhd.
Lot 2050, Jalan Swasta,
Pending Industrial Estate,
93450 Kuching, Sarawak.
http://www.leeming.com.my



# ISI KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| 01 | KATA ALU-ALUAN PENGARAH | 1 |
| 02 | PENGENALAN KORPORAT JABATAN | 1 |
| | Pengurusan Tertinggi dan Carta Organisasi | 1 |
| | Visi, Misi dan Objektif | 1 |
| | Latar Belakang Jabatan | 1 |
| | Piagam Pelanggan | 1 |
| | Pengurusan Kualiti Jabatan | 1 |
| | Ringkasan Undang-Undang yang Dikuatkuasakan | 1 |
| 03 | MENJAMIN HAK PEKERJA DAN MEWUJUDKAN | 1 |
| | PELUANG PEKERJAAN | 1 |
| | Melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang Buruh | 1 |
| | Pengawalseliaan Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin | 1 |
| | Mengoptimumkan Guna Tenaga Kerja | 1 |
| | Responsif kepada Keperluan Majikan Selaras dengan | 1 |
| | Perubahan Suasana Perburuhan Semasa | 1 |
| | Pendidikan Perburuhan | 1 |
| | Penghematan Dan Pemberhentian Pekerja | 1 |
| | Sistem Pentadbiran dan Kemahiran Kakitangan | 1 |
| | Pengurusan Maklumat | 1 |
| 04 | LOKASI PEJABAT TENAGA KERJA | 1 |
| 05 | GALERI PERISTIWA SEPANJANG TAHUN | 1 |
| 06 | SIDANG EDITOR LAPORAN TAHUNAN 2020 | 1 |

# KATA ALU-ALUAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK



# KATA ALU-ALUAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah swt jua dapat kita bertemu dalam Laporan Tahunan 2020 Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Editor dan Sidang Editor yang telah berjaya menerbitkan laporan ini.

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi kita semua. Bermula pada 18 Mac 2020, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung merebaknya Covid-19. Pandemik Covid-19 ini telah menjejaskan akitiviti harian semua pihak. Pihak pekerja dan majikan juga tidak terkecuali dan terkesan oleh pandemik ini. Majikan-majikan yang terjejas perniagaannya terpaksa mengurangkan pekerja sedia ada, malah ada yang terpaksa menutup operasi perniagaan sepenuhnya. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) terus berusaha menangani semua perkara yang bersangkutan dengan perhubungan industri dan kebajikan para pekerja yang terkesan oleh pandemik ini.

Pelbagai usaha telah dicadangkan serta dilaksanakan bersesuaian dengan keadaan penularan wabak Covid-19 yang semakin mengganas. Secara keseluruhannya, JTK Sarawak telah mencapai sasaran-sasaran kerja dengan jayanya bagi setiap aktiviti yang telah dilaksanakan.

Pemeriksaan Pematuhan terhadap Perintah Gaji Minimum terus dipergiatkan. Di samping itu, penguatkuasaan undang-undang perburuhan lain juga sentiasa menjadi fokus utama jabatan. Perhatian khusus juga diberikan bagi tempat-tempat pekerjaan di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sarawak. Ini demi memastikan para pekerja di kawasan-



kawasan ini mendapat perlindungan undang-undang perburuhan sewajarnya. Pencapaian JTK Sarawak pada tahun 2020 adalah amat membanggakan walaupun berdepan dengan penularan wabak Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

Jabatan telah berjaya mengutip kompaun berjumlah RM453,000.00. Manakala bagi aktiviti pendakwaan pula sebanyak 37 kertas siasatan telah dibuka dan jumlah denda yang terkumpul adalah RM119,400. Kes buruh yang telah diterima sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak 1,465 kes dan jumlah perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Buruh adalah RM 2,366,623.68.

Di samping itu, pemeriksaan berkanun ke tempat kerja juga telah dilaksanakan ke atas 4,304 premis majikan di seluruh Sarawak. Sementara 1,512 notifikasi pelanggaran pula telah dikeluarkan

# KATA ALU-ALUAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK

dan diserahkan kepada majikan. Permohonan untuk menggaji pekerja bukan pemastautin menyaksikan penurunan berbanding tahun 2019. Ia merekodkan permohonan Surat Kelulusan Secara Dasar (Approval in Principle atau AP) sejumlah 1,336. Namun begitu sehingga Disember 2020, permohonan yang diterima hanya sejumlah 797.

Permohonan bagi lesen baharu untuk penggajian pekerja bukan pemastautin (pekerja asing) dan lesen gantiannya pada tahun 2020 merekodkan hanya 2,169 permohonan berbanding pada tahun sebelumnya yang merekodkan sejumlah 6,436 permohonan. Bagi permohonan lesen pembaharuan pula, 7,681 permohonan telah diterima berbanding 8,685 permohonan diterima pada tahun 2019.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan menzahirkan penghargaan serta terima kasih kepada semua warga kerja JTK Sarawak yang telah bertungkus-lumus bekerja dan memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Seperti yang semua sedia maklum, kita masih lagi berdepan dengan penularan pandemik Covid-19. Segala rutin dan aktiviti kita tidak lagi seperti dahulu dan semuanya kini mesti dilaksanakan dalam keadaan normal baharu.

Semua tugasan harian dan arahan kerja yang dikeluarkan dari semasa ke semasa hendaklah diselesaikan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedia ada selaras dengan arahan dan saranan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Sarawak *Disaster Management Committee* (SDMC). Saya berharap pandemik Covid-19 tidak akan menghalang kita untuk menjalankan tugas seharian mengikut normal-normal baharu yang telah ditetapkan.

Negara kita sangat terkesan dengan pandemik Covid-19 yang melanda ini. Tempoh krisis dan pemulihan yang berpanjangan memerlukan kita untuk mencari solusi yang lebih kreatif, inovatif dan tangkas terutamanya dalam memastikan kebajikan pekerja di negeri ini secara khususnya dan Malaysia secara amnya adalah terpelihara.

Penglibatan JTK Sarawak dalam mesyuarat bersama dengan Sarawak *Disaster Management Committee* (SDMC) memerlukan keupayaan kita untuk mengeluarkan data dan memberikan laporan yang sahih serta terkini. Untuk tujuan tersebut, arahan dikeluarkan dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan terutamanya berkaitan SOP hendaklah diterima dengan hati terbuka dan digunapakai demi kepentingan semua pihak. Kita harus berganding bahu dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik serta meningkatkan imej Jabatan di mata pihak luar. Segala maklumat atau data haruslah berada di hujung jari dan tersedia pada bila-bila sahaja diperlukan.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas penerbitan laporan ini kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Saya juga menyeru seluruh warga kerja JTK Sarawak untuk bersama-sama berganding bahu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan perkhidmatan tercapai dengan jayanya.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh.

**AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR**
Pengarah Tenaga Kerja, Sarawak

# PENGENALAN KORPORAT JABATAN



# PENGURUSAN TERTINGGI



**ENCIK AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR**
Pengarah



**ENCIK SULAIMAN BIN ISMAIL**
Timbalan Pengarah



**PUAN JAMILLAH BINTI PUTIT**
Ketua Bahagian Standard Perburuhan



**ENCIK BARNABAS ANAK AHJAM**
Ketua Bahagian Penguatkuasaan



**ENCIK EWIIM @ EWIIN ANAK MICHAEL SINAR**
Ketua Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

# PENGURUSAN TERTINGGI



**ENCIK DEDUA ANAK TAIM @ TIAM**
Ketua Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin



**PUAN ASMARINA BINTI OTHMAN**
Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan



**PUAN KONG SIEW CHUO**
Ketua Unit Undang-Undang



**ENCIK IZUDDIN BIN MOHD KHALID**
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan (Kewangan)



**ENCIK MOHAMAD SHAHRUDDIN BIN ZAIDIL**
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan (Pentadbiran)

# CARTA ORGANISASI JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



# CARTA ORGANISASI JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



**PENGARAH**
Pegawai Perhubungan Perusahaan JUSA C

**UNIT UNDANG-UNDANG**
Pegawai Undang-Undang L44



**TIMBALAN PENGARAH**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S54

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik M44

**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S48

**BAHAGIAN PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S48

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S44

**BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S52

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN MAKLUMAT**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S48

**PEJABAT TENAGA KERJA (PTK)**

**PTK KUCHING**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S48

**PTK SAMARAHAN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK SERIAN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK SRI AMAN**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK BETONG**
Pen.Pegawai Perhubungan Perusahaan S32

**PTK SARATOK**
Pen. Pegawai Perhubungan Perusahaan S32

**PTK SARIKEI**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK SIBU**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S44

**PTK MUKAH**
Pen. Pegawai Perhubungan Perusahaan S32

**PTK KAPIT**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK BINTULU**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S44

**PTK BAKUN**
Pen. Pegawai Perhubungan Perusahaan S32

**PTK MIRI**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S44

**PTK MARUDI**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK LIMBANG**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

**PTK LAWAS**
Pen. Pegawai Perhubungan Perusahaan S32

**UTC**
Pegawai Perhubungan Perusahaan S41

# VISI, MISI DAN OBJEKTIF

## VISI

Peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta.

## MISI

Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan serta memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.



## OBJEKTIF

Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri;

- Mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara;
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan
- Mewujudkan tenaga kerja dan majikan yang berpengetahuan dalam hal perburuhan dan undang-undang buruh demi membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

# LATAR BELAKANG JABATAN

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak merupakan salah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jabatan ini mula beroperasi pada 26 Julai 1960 dengan kekuatan anggota seramai enam (6) orang. Bilangan anggota pada Disember 2020 adalah seramai 219 orang pegawai dan kakitangan. Daripada jumlah tersebut seramai 134 adalah penguatkuasa jawatan Skim Sosial (S) dari Gred S19 hingga S54 dan seorang JUSA C. Selebihnya ialah jawatan gunasama. Dengan jumlah anggota tersebut, Jabatan ini mampu memberi perkhidmatan yang dengan cekap dan yang terbaik.



Sebelum penubuhan Malaysia, fungsi Jabatan ini dilaksanakan oleh Pejabat Residen dan Daerah. Selepas 16 September 1963, fungsi berkenaan diambil alih oleh Kementerian Buruh pada ketika itu sebelum ditukar nama kepada Kementerian Sumber Manusia. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ketika itu juga dikenali sebagai Jabatan Buruh Sarawak. Mulai 29 November 2002, Jabatan ini telah mengambil alih peranan Jabatan Tenaga Rakyat di Sarawak. Jabatan Buruh Sarawak ditukar nama kepada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak pada tahun 2003.

Di bawah Inter-Governmental Committee (IGC) Report 1962, Pesuruhjaya Buruh Sarawak yang kini digelar Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bertanggungjawab secara langsung kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia melalui Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dalam semua aspek penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang perburuhan di Sarawak.

Pada 25 Januari 2010, Pusat JobsMalaysia (JMC) di Kuching dan JobsMalaysia Point (JMP) di semua Pejabat Tenaga Kerja di Sarawak pernah diwujudkan dan bertindak sebagai pusat sehenti (one stop centre) bagi perkhidmatan pekerjaan. Fungsi utamanya ialah untuk membantu penempatan pencari kerja tempatan melalui platform portal JobsMalaysia.

Pada 18 Julai 2013, apabila Urban Transformation Centre (UTC) atau Pusat Transformasi Bandar ditubuhkan di Jalan Bukit Mata, Kuching, Jabatan Tenaga



Kerja Sarawak juga pernah membuka pejabat kecil sebagai Pusat JobsMalaysia (JMC) di sana sebelum ditutup pada September 2020 apabila fungsi perkhidmatan pekerjaan di Jabatan ini telah diambil alih oleh PERKESO. Portal




JobsMalaysia telah digantikan oleh My Future Job di bawah PERKESO.

Kini Jabatan Tenaga Kerja Sarawak mempunyai ibu pejabat di Kuching dan mempunyai 16 buah Pejabat Tenaga Kerja yang beroperasi di seluruh Sarawak. Tarikh penubuhan Pejabat Tenaga Kerja berkenaan adalah seperti berikut:

**60an's**

**Kuching** 01.01.1969

**70an's**

**Kuching** 01.01.1969
**Sibu** 01.01.1972
**Miri** 01.01.1972
**Limbang** 01.01.1973
**Sri Aman** 01.01.1974
**Kapit** 01.01.1974
**Sarikei** 05.08.1974
**Bintulu** 01.07.1979

**80an's**

**Marudi** 01.04.1986
**Serian** 29.12.1989

**90an's**

**2000**

**Bakun** 16.05.2005
**Kota Samarahan** 16.09.2009
**Saratok** 16.09.2009
**Lawas** 16.12.2009
**Mukah** 04.01.2010
**JMC** 25.01.2010
**Betong** 14.06.2010
**UTC Kuching** 17.09.2014

# PIAGAM PELANGGAN

PETUNJUK PRESTASI

## PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi keperluan pelanggannya seperti berikut:

### 1. ADUAN BURUH

Aduan Buruh akan disiasat dan keputusan akan dimaklumkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh aduan diterima.

### 2. TUNTUTAN BURUH

Tuntutan Buruh akan didengar / dibicarakan dan diberi perintah dalam tempoh 90 hari dari tarikh tuntutan diterima.

### 3. LESEN UNTUK MENGGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

(a) Mengeluarkan keputusan bagi permohonan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Lokalisasi.

(b) Lesen Baru di bawah AP dan Gantian akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

(c) Mengeluarkan keputusan bagi permohonan Lesen Pembaharuan dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

### 4. PERMIT PERBURUHAN

Semua permohonan akan diberi keputusan dalam tempoh 28 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

### 5. PERMOHONAN UNTUK LESEN AGENSI PEKERJAAN SWASTA

Semua permohonan diproses dan keputusan dikeluarkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

### 6. ADUAN AWAM

Maklumbalas berkaitan aduan awam akan diberi dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.

# PENGURUSAN KUALITI JABATAN

## PENGURUSAN KUALITI JABATAN

### MEMBUDAYAKAN KUALITI DALAM ORGANISASI

Jabatan sentiasa memberikan keutamaan kepada aspek kualiti dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dan perkhidmatan yang diberikan. Pihak pengurusan Jabatan memberikan perhatian serius bagi memastikan semua warga Jabatan sentiasa memberikan sepenuh komitmen dalam menerapkan budaya kualiti dalam Jabatan.

### DASAR KUALITI DAN KAEDAH SEBARANNYA

Jabatan menekankan penyampaian perkhidmatan yang bermutu tinggi sebagai dasar kualiti. Aspirasi ini disebarkan kepada semua warga Jabatan melalui edaran poster, paparan dan juga taklimat. Selain itu penggunaan emel merupakan salah satu kaedah yang berkesan, cepat dan menjimatkan kos. Pewujudan Laman Web Rasmi Jabatan dan Laman Sosial Rasmi Jabatan (Facebook) juga memainkan peranan dalam menyebarkan perkhidmatan kepada orang ramai terutama para pelanggan Jabatan. Laman web dan laman sosial ini dikemaskini sekerap mungkin bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan relevan.

### PENERAPAN BUDAYA KUALITI

Untuk menerapkan budaya kualiti dalam Organisasi ini, pihak pengurusan Jabatan telah mengambil langkah-langkah dengan mewujudkan dan melaksanakan perkara seperti berikut ;

### PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah satu mekanisme pengukuran prestasi di setiap Pejabat Tenaga Kerja. Untuk tujuan pemantauan oleh pihak pengurusan, setiap pejabat perlu mengemukakan laporan prestasi bulanan dan dilaporkan dalam laporan Business Plan Jabatan.

### HARI BERTEMU PELANGGAN

Hari Khamis setiap bulan telah ditetapkan sebagai Hari Bertemu Pelanggan. Aktiviti ini adalah untuk mendekatkan lagi Jabatan kepada umum dari segi memberi khidmat nasihat dan mendapatkan bantuan lain jika perlu berkenaan fungsi dan peranan Jabatan. Di samping itu, pelanggan juga boleh memberikan maklum balas bertujuan untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan Jabatan.

### PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan dipamerkan di pejabat bertujuan bagi memastikan pelanggan mengetahui komitmen Jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

### PENGLIBATAN ANGGOTA

Pelantikan pegawai pelbagai gred sebagai ahli jawatankuasa tertentu adalah untuk memastikan penglibatan menyeluruh warga Jabatan dalam urusan peningkatan kualiti perkhidmatan Jabatan.




## PENGAUDITAN DAN PEMANTAUAN

Sebagai satu langkah kawalan untuk memastikan bahawa sistem pengurusan Jabatan adalah berdasarkan pekeliling dan arahan semasa, proses pengauditan dan pemantauan ke atas pengurusan organisasi dijalankan melalui audit kewangan dan pengurusan oleh MAMPU, Jabatan Audit Negara, Audit Dalaman Kementerian Sumber Manusia.

Selain daripada itu perlbagai Jawatankuasa sebagai contoh, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Mesyuarat Pengurusan Aset Alih Kerajaan Peringkat Jabatan serta Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus dan Penambahbaikan ditubuhkan sebagai langkah untuk memastikan pentadbiran yang berkualiti.

## CAPAIAN AMAKLUMAT

Untuk memastikan setiap warga Jabatan sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai peraturan dan pekeliling terkini seperti dasar baru Kerajaan, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam, Pekeliling Am, Panduan dan arahan barubaharu Kerajaan, Jabatan ini sentiasa membuat sebaran melalui memo, surat dan juga emel. Dokumen-dokumen rasmi jabatan juga dikongsi melalui platform Sistem Perkongsian Dokumen Dalaman yang dimajukan dalam laman web rasmi jabatan. Selain itu, semua warga Jabatan mempunyai capaian ke Internet bagi membolehkan mereka membuat rujukan dan memperolehi maklumat yang berkaitan di laman sesawang jabatan dan agensi yang berkaitan.

## PENGIKTIRAFAN

Jabatan memberikan pengiktirafan dalam bentuk Sijil Penghargaan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pencalonan untuk penganugerahan Darjah dan Pingat Kebesaran kepada warga kerja yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

# RINGKASAN UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

## ORDINAN BURUH (SARAWAK BAB 76)

Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) yang dikuatkuasakan sejak 1952 telah dipinda pada Disember 2004 dan diwartakan pada 10.02.2005. Ordinan ini menetapkan standard minimum terma-terma dan syarat-syarat penggajian bagi pekerja-pekerja di sektor swasta.

**Antara lain objektifnya ialah:**

01
- Menetapkan faedah minimum untuk pekerja;

02
- Menetapkan terma-terma dan syarat-syarat penggajian untuk pekerja di sektor swasta;

03
- Mengenakan obligasi terhadap majikan tentang hak-hak pekerja; dan

04
- Memberikan kuasa penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai terhadap pesalah untuk memastikan pematuhan undang-undang.

Ordinan ini terpakai kepada sesiapa yang termasuk dalam definisi “majikan” dan “pekerja” di Sarawak seperti yang ditakrifkan dalam Ordinan berkaitan.






## ORDINAN CUTI MINGGUAN (SARAWAK BAB 79)

Ordinan ini menyediakan cuti mingguan kepada mereka yang digaji di kedai, restoran dan pawagam. Ordinan ini terpakai di semua kawasan atau lokaliti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama iaitu Kawasan Perbandaran Kuching, kawasan tempatan Majlis Daerah Bandar Sibu, kawasan tempatan Majlis Daerah Miri, semua kawasan Bandar yang terletak di kawasan tempatan Majlis Daerah Sarikei, semua kawasan Bandar yang terletak di kawasan tempatan Majlis Daerah Binatang (Bintangor), kawasan yang ditetapkan dalam Jadual Majlis Perbandaran Simanggang (Sri Aman) dan kawasan perbandaran Saratok. Ordinan ini memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang digaji selain daripada dalam kapasiti sulit atau dalam posisi pengurusan, dalam mana-mana kedai, restoran atau pawagam adalah dibenarkan untuk cuti satu hari dalam satu minggu. Ordinan ini memperuntukkan bahawa tiada potongan atau pengurangan boleh dibuat daripada gaji pada hari yang premisnya ditutup ataupun pada hari seorang-seorang itu dibenarkan bercuti. Seseorang pemeriksa boleh, mengikut had yang dia dilantik dibenarkan memasuki dan berada di premis berkenaan untuk membuat pemeriksaan terhadap apa-apa rekod, daftar atau notis yang ada disimpan.

## AKTA MAKLUMAT PEKERJAAN 1953 (DISEMAK 1975)

Akta ini memudahkan pengumpulan maklumat berkaitan terma-terma dan syarat-syarat penggajian. Pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta ini boleh menghendaki para majikan untuk memberi keterangan tertentu berkenaan bilangan pekerja yang digaji, terma-terma kontrak, waktu bekerja, cuti umum, cuti rehat, tempoh rehat, jenis tugas yang dilaksanakan, struktur gaji dan kelayakan yang diperlukan bagi tiap-tiap jawatan. Mana-mana majikan yang gagal memberi kenyataan bertulis kepada pegawai yang diberi kuasa boleh, jika didapati bersalah, dikenakan denda sebanyak dua ribu ringgit dan sebagai tambahan denda sebanyak seratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

## AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981

Akta ini adalah bertujuan untuk mengawal Agensi-agensi Pekerjaan Swasta di Malaysia. Akta ini memperuntukkan bahawa mana-mana agensi yang ingin menjalankan aktiviti merekrut hendaklah mendapatkan lesen daripada Pengarah Tenaga Kerja. Akta ini telah dipinda dan berkuatkuasa pada 1 Februari 2018. Kategori lesen di bawah Akta ini adalah seperti berikut:

| | KATEGORI LESEN | MODAL BERBAYAR | WANG JAMINAN |
|---|---|---|---|
| 01 | **LESEN A** (Untuk penempatan pekerjaan di dalam Malaysia) | RM50,000 | RM5,000 |
| 02 | **LESEN B** (Untuk penempatan pekerjaan di dalam dan di luar Malaysia serta pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia) | RM100,000 | RM100,000 |
| 03 | **LESEN C** (Untuk penempatan pekerjaan di dalam dan di luar Malaysia serta pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia) | RM250,000 | RM250,000 |




## AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI, 1960
## PERATURAN KESELAMATAN DALAM NEGERI (PENDAFTARAN BURUH), 1960

Peraturan ini terpakai di kawasan keselamatan yang diisytiharkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Semua pemilik industri seperti yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah Peraturan ini adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pekerjanya memiliki kad pengenalan diri. Mereka juga bertanggungjawab untuk menyimpan daftar pekerja yang mengandungi butir-butir berkenaan pekerja yang digaji di premis pekerjaan mereka. Setiap pemilik industri seperti yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah Peraturan ini dan setiap kontraktor hendaklah mengemukakan

kepada Jabatan Tenaga Kerja segala butir mengenai nama dan alamat tuan punya atau kontraktor, lokasi sebenar di mana kerja-kerja dilaksanakan, jenis kerja yang akan dilaksanakan, tarikh mula dan tarikh dijangka tamat atau siap. Mana-mana pegawai Jabatan Tenaga Kerja adalah diberi kuasa untuk memasuki mana-mana premis industri seperti yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah Peraturan ini serta memeriksa daftar pekerja mereka.

## AKTA ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTI-PENYELUDUPAN MIGRAN (PINDAAN) 2010 [AKTA 670]

Akta ini telah diluluskan pada tahun 2007 sebagai Akta Anti-pemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] dan telah berkuatkuasa mulai 28.02.2008. Tujuan utama Akta ini diwujudkan adalah untuk membasmi masalah pemerdagangan orang melibatkan warganegara dan bukan warganegara secara holistik. Akta ini merangkumi 3 aspek: pendakwaan, pencegahan dan perlindungan mangsa. Pada tahun 2010, Akta ini dipinda menjadi Akta Anti-pemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran 2007 (Pindaan) 2010. Melalui pindaan tersebut, Pegawai Tenaga Kerja telah diwartakan sebagai Pegawai Penguatkuasa (Seksyen 27) di bawah Akta ini.

## AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011

Tujuan utama Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) ialah bagi menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara berdasarkan prinsip “tripartite” melalui perwakilan-perwakilan majikan, pekerja dan Kerajaan. Majlis ini merupakan platform utama dalam penetapan gaji, termasuk menentukan




kadar dan mekanisme pelaksanaan gaji minimum di negara ini. Dalam hal ini Majlis bertanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berkenaan dengan gaji minimum dan seterusnya mengemukakan syor kepada Kerajaan dalam membuat perintah gaji minimum dan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

Sehingga hari ini, beberapa perintah gaji minimum telah dikeluarkan di bawah seksyen 23 Akta 732 ini. Perintah gaji minimum yang dikeluarkan dari tahun 2012 hingga 2018 telah menetapkan gaji minimum yang sama di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020, perintah gaji minimum yang baharu telah menetapkan kadar gaji minimum mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Menurut Perintah Gaji Minimum 2020, seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran hendaklah dibayar kadar gaji minimum seperti berikut:

## KADAR GAJI MINIMUM

| Bulanan | Harian | Harian | Harian | Setiap Jam |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu 6 | Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu 5 | Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu 4 | |
| RM 1,200.00 | RM 46.15 | RM 55.38 | RM 69.23 | RM 5.77 |

Seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji ikut kerja, berat tan dsb, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,200.00.

Bagi seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran, kadar gaji minimum adalah seperti berikut:

## KADAR GAJI MINIMUM

| Bulanan | Harian | Harian | Harian | Setiap Jam |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu 6 | Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu 5 | Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu 4 | |
| RM 1,100.00 | RM 42.31 | RM 50.77 | RM 63.46 | RM 5.29 |

Seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji ikut kerja, berat tan dsb, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,100.00.

Perintah Gaji Minimum 2020 telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2020. Majlis akan mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun.

## AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah diwartakan pada 16 Ogos 2012. Akta tersebut menetapkan umur persaraan minimum bagi sesorang pekerja ialah apabila mencapai umur 60 tahun. Majikan yang melakukan kesalahan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

Akta tersebut adalah terpakai kepada semua pekerja kecuali mereka yang ditetapkan di bawah Jadual seperti berikut:

## JADUAL (SEKSYEN 2)

1. Pekerja Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan;
2. Pekerja dalam tempoh percubaan;
3. Perantis;
4. Pekerja bukan warganegara;
5. Pekhidmat domestik;
6. Pekerja separa masa;
7. Pelajar di bawah kontrak sementara (tidak termasuk mereka yang bekerja tetapi diberi cuti belajar sepenuh atau separuh masa);
8. Pekerja dalam kontrak perkhidmatan bertempoh tetap yang tidak melebihi 24 bulan; dan
9. Pekerja yang telah bersara sebelum 1 Julai 2013 yang bekerja semula.



# MENJAMIN HAK PEKERJA DAN MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN

- ## MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BURUH

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam objektif utama Jabatan iaitu melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak bertanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang buruh di Sarawak.

Strategi yang digunakan di dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut adalah seperti berikut:




## PENDAFTARAN TEMPAT PEKERJAAN BAHARU



Bilangan tempat pekerjaan baru yang telah didaftarkan dalam tahun 2020 adalah sebanyak 4,856 berbanding sebanyak 5,369 tahun 2019. Kebanyakan tempat pekerjaan baharu tertumpu di bandar-bandar besar di Sarawak. Daripada jumlah (4,856) tersebut, 911 tempat pekerjaan telah didaftarkan di Kuching, 987 di Sibu, 853 di Bintulu, 787 di Miri dan yang selebihnya daripada Bahagian yang lain di Sarawak. Jumlah pendaftaran tempat pekerjaan baharu berkurangan pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya berkemungkinan disebabkan aktiviti jabatan yang terhad akibat pendemik COVID-19 yang melanda negara sejak bulan Mac 2020. Sila rujuk Jadual 1.0

| PENDAFTARAN TEMPAT PEKERJAAN BAHARU | |
|---|---|
| **TAHUN 2019** | **TAHUN 2020** |
| **5,369** | **4,856** |

*Jadual 1.0 : Jumlah Pendaftaran Tempat Pekerjaan Tahun 2019 dan 2020*

## PEMERIKSAAN BERKANUN




*Infografik 1.0 : Pemeriksaan Tempat Pekerjaan (Jan – Dis 2020)*

Infografik 1.0 di atas menunjukkan bilangan pemeriksaan tempat pekerjaan yang dijalankan sepanjang tahun 2020. Terdapat sejumlah 4,058 pemeriksaan gaji minimum dijalankan daripada keseluruhan 4,267 tempat pekerjaan yang diperiksa. Secara perbandingan (Rujuk Jadual 2.0 di bawah) pada tahun 2020 jumlah pemerikssan lebih rendah, iaitu sejumlah 4,275 tempat pekerjaan telah diperiksa oleh pegawai JTK Sarawak berbanding 6,623 pada tahun sebelumnya. Penurunan jumlah pemeriksaan berkanun sebanyak 35% pada tahun 2020 adalah disebabkan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sejak 18 Mac 2020 berikutan penularan penyakit berjangkit COVID-19 di seluruh dunia.

| PEMERIKSAAN TEMPAT PERKERJAAN | | |
|---|---|---|
| **TAHUN 2019** | **+/- (%)** | **TAHUN 2020** |
| **6,623** | **▼(35%)** | **4,304** |

*Jadual 2.0 : Jumlah Pemeriksaan Tempat Pekerjaan Tahun 2019 dan 2020*



Daripada pemeriksaan yang dijalankan, sejumlah 1,512 notis pelanggaran telah dikeluarkan kepada 1,361 majikan di seluruh Sarawak. Antara pelanggaran yang seringkali ditemui ialah seperti ketidakpatuhan kepada standard terma dan syarat penggajian pekerja mengikut Ordinan Buruh Sarawak, penggajian pekerja asing tanpa lesen, pembayaran gaji dan upah dan ketidakpatuhan kepada perintah gaji minimum.

Jadual 3.0 di bawah menunjukkan bilangan pemeriksaan ke tempat pekerjaan mengikut sektor yang dijalankan sepanjang tahun 2020. Pemeriksaan yang dijalankan adalah pelbagai termasuklah pemeriksaan gaji minimum dan pemeriksaan berkanun, sisatan permohona AP, permit dan sebagainya. Empat sektor tertinggi ialah sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (3,584 pemeriksaan), sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (1,679 pemeriksaan) dan sektor penginapan, aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman (1,644 pemeriksaan) dan sektor pembuatan (1,273 pemeriksaan).

*Jadual 3.0 : Bilangan Pemeriksaan Tempat Pekerjaan Mengikut Sektor/Industri Bagi Tahun 2020*

| SEKTOR / INDUSTRI | JUMLAH BESAR | % |
|---|---|---|
| Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal | 3,584 | 30.16% |
| Pertanian, Perhutanan dan Perikanan | 1,679 | 14.13% |
| Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman | 1,644 | 13.83% |
| Pembuatan | 1,273 | 10.71% |
| Pembinaan | 776 | 6.53% |
| Aktiviti perkhidmatan lain | 523 | 4.40% |
| Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan | 499 | 4.20% |
| Pengangkutan dan Penyimpanan | 189 | 1.59% |
| Pendidikan | 154 | 1.30% |
| Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib | 140 | 1.18% |
| Perlombongan dan Pengkuarian | 137 | 1.15% |
| Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal | 111 | 0.93% |
| Kesenian, hiburan dan rekreasi | 73 | 0.61% |
| Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial | 69 | 0.58% |
| Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial | 62 | 0.52% |
| Aktiviti kewangan dan insuran/takaful | 56 | 0.47% |
| Aktiviti hartanah | 50 | 0.42% |
| Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan | 26 | 0.22% |
| Bekalan Elektrik, gas, wap dan pendingin udara | 27 | 0.23% |
| Lain-lain | 811 | 6.82% |
| **JUMLAH BESAR** | **11,883** | **100%** |

*Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak*

*(Nota: Data maklumat merangkumi 9 jenis pemeriksaan (termasuk pemeriksaan gaji minimum)*

## ADUAN BURUH

Infografik 2.0 di bawah menunjukkan bilangan aduan buruh yang dikendalikan oleh Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak. Terdapat 592 kes aduan buruh telah dilaporkan yang merangkumi 580 pekerja dan 371 syarikat majikan.




*Infografik 2.0*

Secara perbandingan, (Rujuk Jadual 3.0 di bawah) pada tahun 2020, sejumlah 592 kes aduan buruh telah dikendalikan dan sebahagian besar, iaitu 75% daripada jumlah kes telah diselesaikan dalam tempoh 30 hari. Berbanding dengan tahun sebelumnya, terdapat peningkatan 55% jumlah kes dikendalikan. Manakala kadar penyelesaian kes jumlah menurun daripada 100% (tahun 2019) kepada 75% (tahun 2020). Penurunan tersebut disebabkan terdapat kekangan masa bekerja dan pergerakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020. Seramai 580 pekerja tempatan dan 12 pekerja asing telah membuat aduan buruh sepanjang tahun 2020, di mana kebanyakan aduan pekerja tersebut tertumpu di kawasan bandar utama seperti Kuching, Bintulu dan Miri.

| TAHUN 2019 | +/- (%) | TAHUN 2020 |
|---|---|---|
| 383 | ▲(55%) | 592 |
| 100% selesai 30hari | | 75% selesai 30hari |

*Jadual 3.0*

## TUNTUTAN KES BURUH

Infografik 3.0 di bawah menunjukkan bilangan kes tuntutan buruh yang dikendalikan oleh Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak. Terdapat 1458 kes tuntutan buruh telah difailkan untuk tindakan Mahkamah Buruh yang merangkumi 1469 pekerja dan 982 syarikat majikan.




*Infografik 3.0 : Tuntutan Kes Buruh Bagi Tahun 2020*

Pada tahun 2020, sejumlah 1,645 kes tuntutan buruh telah dikendalikan dan sebahagian besar, iaitu 90% daripada jumlah kes telah diselesaikan dalam tempoh 90 hari. Berbanding dengan tahun sebelumnya, terdapat peningkatan 6% jumlah kes dikendalikan. Manakala kadar penyelesaian kes jumlah menurun daripada 95% (tahun 2019) kepada 90% (tahun 2020). (Rujuk Jadual 4.0 di bawah). Peningkatan kes dijangkakan akan berlaku pada tahun hadapan berikut peningkatan aduan buruh tentang pelanggaran standard perburuhan di kalangan majikan.

| TAHUN 2019 | +/- (%) | TAHUN 2020 |
|---|---|---|
| 1,552 kes | ▲(6%) | 1,645 kes |
| 100% selesai 30hari | | 90% kes selesai 90hari |

*Jadual 4.0 : Perbandingan Jumlah Kes Buruh Tahum 2019 dan 2020*

## KOMPAUN DAN PENDAKWAAN:

Pada tahun 2020, sejumlah 257 kertas siasatan telah dibuka dan dikendalikan di seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, Jabatan telah membuat 300 kes kompaun dan berjaya mengutip hasil bayaran kompaun sejumlah RM409,500. Bilangan kes kompaun pada tahun 2020 mencatat peningkatan sebanyak 83% berbanding tahun sebelumnya. Manakala jumlah hasil bayaran kompaun pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan lebih kurang 63% berbanding tahun sebelumnya.




*Infografik 4.0 : Jumlah Pendakwaan dan Kompaun Tahun 2018 - 2020*

Sementara itu, sejumlah 61 kes pendakwaan telah dijalankan oleh Jabatan pada tahun 2020 dan hasil denda yang dikutip ialah sebanyak RM123,900. Bilangan kes pada tahun 2020 mencatat peningkatan sebanyak 97% berbanding tahun sebelumnya. Manakala jumlah hasil denda yang dikutip pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan lebih kurang 27% berbanding tahun sebelumnya. Kebelakangan ini, JTK Sarawak telah mempertingkatkan operasi penguatkuasaan ke atas pelbagai sektor majikan yang disyaki terdapat banyak perlanggaran standard perburuhan. (Rujuk Jadual 5.0 dan Jadual 6.0)

| TAHUN 2019 | +/- (%) | TAHUN 2020 |
|---|---|---|
| 164 | ▲(83%) | 300 |
| (RM252,000) | ▲(63%) | (RM409,500) |

*Jadual 5.0: Perbandingan Bilangan Dan Jumlah Kompaun Tahun 2019 dan 2020*

